

**KAJIAN BERASASKAN PENGALAMAN:  
PENGASASAN KEJIRANAN KOMUNITI BANDAR, KESEPADUAN  
SOSIAL DAN KUALITI KEHIDUPAN**

**PENYELIDIK:  
DATUK DR. DENISON JAYASOORIA  
JAMES RYAN RAJ**

# **KAJIAN BERASASKAN PENGALAMAN: PENGASASAN KEJIRANAN KOMUNITI BANDAR, KESEPADUAN SOSIAL DAN KUALITI KEHIDUPAN**

Datuk Dr. Denison Jayasooria (UKM)  
James Ryan Raj (YKPM)

## **ABSTRAK**

Kehidupan seharian di kawasan perumahan flat cukup mencabar. Lazimnya, kehidupan yang padat dengan ruang privasi yang terhad menyebabkan masalah seperti tekanan emosi amat tinggi. Keadaan bertambah buruk dengan kemudahan infrastruktur yang lemah, masalah kebersihan, kemiskinan bandar serta isu keselamatan amat membimbangkan. Dalam situasi ini, penglibatan para belia tempatan dalam gejala sosial seperti jenayah, penyalahgunaan dadah dan kecurian di kawasan flat kian meningkat. Sehubungan ini, sebuah kajian fokus telah dikendalikan di 25 kawasan kejiranan daripada 10 buah negeri di Semenanjung Malaysia. Kajian ini dapat menggambarkan ciri-ciri serta latarbelakang kejiranan yang terlibat dari segi aspek demografi, sejarah kejiranan, komposisi ahli jawatankuasa Rukun Tetangga, masalah-masalah yang dihadapi dan cadangan aktiviti-aktiviti untuk memahami masalah-masalah yang sedia wujud. Seterusnya, kajian ini juga dapat menilai aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Hasil kajian mendapati bahawa pucuk kepimpinan yang berdedikasi dan berpegangan teguh terhadap kepelbagaian dalam komuniti adalah amat penting. Ini kerana penerimaan kepelbagaian dalam komuniti telah menjadi asas perpaduan yang telah merintis kepada pemantapan sosial serta kemakmuran di kawasan kejiranan. Bagi mempertingkatkan usaha ini, peranan pelaksanaan Program Sayangi Komuniti (PSK) yang efisien adalah amat penting. Dengan menilai rol kepimpinan tempatan, laporan kajian kejiranan ini telah mencadangkan beberapa strategi bagi mempertingkatkan kapasiti kejiranan. Antaranya, membina kepimpinan di peringkat akar umbi yang berfokuskan pembangunan penduduk, mewujudkan sistem pengurusan kejiranan yang menyeluruh, memperkasakan penyampaian program PSK dan membina kapasiti PSK melalui Latihan Pengukuhan Kejiranan yang berterusan. Usaha sedemikian pasti akan membina kapasiti pucuk kepimpinan tempatan yang berupaya menjamin keharmonian kejiranan dan meningkatkan kualiti hidup golongan yang berpendapatan rendah dimana penduduknya yang terdiri dari berbilang kaum dan agama.

**Kata Kunci: Pemimpin Akar Umbi, Pemangkin Transformasi Sosial**